



SESI Senamrobik RRCI SRIM UMS.

# SRIM UMS anjur RRCI 2018

UB 11.11.2018 B2

KOTA KINABALU: Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (SRIM) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan program Run and Ride Charity Integrity (RRCI) 2018 pada 28 Oktober 2018 bertempat di Padang Kawad UMS.

Seramai 1,075 peserta dan 72 ahli jawatankuasa pelaksana termasuk 228 peserta berbasikal telah menjayakan RRCI 2018. Jumlah itu telah meningkat berbanding penyertaan peserta pada tahun lalu.

Aktivitiitudianjurkankan bukan sahaja bertujuan bersukan di mana sejarah dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk melahirkan mahasiswa/i yang cerdas, malah ia juga bertujuan beramal di mana program itu diadakan untuk mengumpul derma kepada mahasiswa/i OKU UMS.

Hakikat pada zaman moden ini, mahasiswa/i OKU adalah golongan minoriti yang selalu terlepas pandang. Kemudahan untuk mahasiswa/i OKU juga kurang seperti tempat pejalan kaki untuk yang mempunyai masalah penglihatan. Aktiviti dilaksanakan dengan adanya aktiviti larian (5.8km) dan berbasikal (8.9km) di sekitar UMS.

"Program yang bermanfaat seperti ini haruslah diteruskan pada masa akan datang bagi merapatkan lagi hubungan pelajar dengan masyarakat luar, lebih-lebih lagi kepada mahasiswa/i OKU. Sifat mulia seperti ini haruslah dipupuk dalam diri setiap individu di samping menonjolkan integriti dalam diri kita sendiri," kata Muhammad Jumrat bin Minsun, wakil perasmian dalam



GAMBAR ketika proses pendaftaran peserta dengan penyertaan yang sungguh mendapat sambutan kali ini.

sesi temubual.

Program seperti itu wajar dilakukan dengan kerap kerana daripada program yang berbentuk sedemikian, bukan sahaja dapat mendidik mahasiswa/I dan masyarakat untuk cakna dengan golongan OKU, tetapi mendidik untuk menjadi seseorang yang berintegriti di dalam kehidupan seharian sejauh dengan objektif kelab melahirkan masyarakat yang berintegriti.

Program Run & Ride Charity Integrity adalah acara tahunan kelab dan akan diadakan lagi pada tahun masa akan datang.

Gimik perasmian disempurnakan oleh Muhammad Jumrat yang juga Pegawai Psikologi mewakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) yang tidak dapat hadir atas urusan rasmi universiti yang lain.

Penyampaian sumbangan bantuan kebaikan dari Pengarah Program iaitu Cik Nurul Aina Sobri diserahkan

kepada Mohd Hafiz wakil ketua Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dalam bentuk replika cek berjumlah RM6,402.

Acara senamrobik dikendalikan Kelab Lentara Tari Kolej Kediaman E dan majlis diteruskan lagi dengan cabutan bertuah, persembahan busking daripada Kelab Akustik Kolej Kediaman E Penghargaan kepada pihak DBKK atas peminjaman basikal serta penaja daripada Kentucky Fried Chicken (KFC), Milo, McDonald (McD), Hotel Sri Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan.

Sesi permulaan pelepasan peserta disempurnakan oleh Harun Tambiri.

"Pengarah program jawatankuasa pengangur berjaya melaksanakan program ini dengan membuat persediaan rapi dari awal dan berharap RRCI akan datang dapat diteruskan dengan lebih cemerlang," kata Harun.